

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang

Sidang Akademik 1999/2000

April 2000

HKB 501 – Konvensi Tipainduk dan Tema-Tema Kesusasteraan Asia

Masa: [3 jam]

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) SOALAN DI DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawab EMPAT (4) Soalan Sahaja, DUA (2) Soalan daripada setiap Bahagian.

BAHAGIAN A

1. Dalam epik *Mahabharata* kuasa-kuasa *dharma* dan *adharma* direpresentasikan melalui aksi-aksi yang dilakukan oleh para watak dan akibat daripada aksi-aksi tersebut, iaitu *karma*. Dengan merujuk kepada contoh-contoh konkrit bincangkan pernyataan ini.
2. Satu konvensi penting dalam epik kepahlawanan terkenal dengan nama “poetic justice” (hukuman kesusasteraan). Dengan merujuk kepada cerita-cerita tentang Kiyomori dalam *Heike Monogatari*, tunjukkan caranya konvensi ini digunakan dalam karya tersebut.
3. Dalam jenis kesusasteraan romans (Bahasa Inggeris: *romance*) peranan penting dimainkan oleh unsur-unsur kehilangan identiti dan kepuraan. Dengan merujuk kepada episod-episod relevan dari cerita Panji Jawa *Panji Narawangsa*, bincangkan pernyataan ini.
4. Romans Vietnam yang bertajuk *The Tale of Kieu* (Riwayat si Kieu) antara lain mengiaskan rasa ketidakpuasan hati si pengarang yang secara terpaksa mengingkari kesetiaannya kepada dinasti lama dan mengabdikan diri kepada dinasti baru. Bincangkan.

..!2

BAHAGIAN B

5. Sumbang mahram merupakan satu tema universal yang dapat ditemui dalam kesusasteraan Timur dan Barat. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perbezaan dasar dari sudut tanggapan pengarang dua masyarakat ini tentang perkara berkaitan. Berdasarkan penelitian anda terhadap karya-karya terpilih bincangkan perbezaan-perbezaan yang dapat anda kesan.
6. Sufisme dalam Islam telah melahirkan bukan sahaja doktrin yang khusus mengenai maksud hidup dan amalan kerohanian seorang Muslim tetapi telah melahirkan juga karya-karya kesusasteraan yang mempunyai bentuk dan tema yang istimewa. Berdasarkan puisi sufi dari mana-mana pengarang, bincangkan sejauhmanakah adanya kesejajaran di antara doktrin sufisme dan sifat serta isi puisi sufi tersebut.
7. Untuk menemui Tuhannya seorang Muslim perlu kepada kekuatan mujahadah yang tinggi. Berdasarkan kepada karya Farid ad-Din Attar yang berjudul *Mantiq at-Tair* bincangkan bagaimana pengarang mengutarakan tema ini dengan berkesan.
8. Banyak karya nabi telah dilahirkan oleh penulis-penulis Islam bersumberkan daripada cerita-cerita dalam *Al-Quran*. Oleh sebab transformasi, telah berlaku perbezaan yang jelas dari sudut objektif, isi dan kesan cerita-cerita nabi tersebut. Berdasarkan kepada cerita mengenai Nabi Allah Yusuf bincangkan sejauhmana benarnya pernyataan di atas.

- oooOOOooo -